

Cukai

Petua Elak Tindakan Mahkamah Akibat Cukai Tertunggak



Majalah Labur



Sepanjang tahun 2021 pelbagai pengalaman pahit dan manis kita rasai. Tahun 2021 juga menyaksikan negara kita masih bergelut dengan tekanan ekonomi akibat daripada situasi pandemik COVID-19 yang berlarutan. Sebagai rakyat kita turut tidak terkecuali daripada menerima tempias kepada keperitan ekonomi negara.



Pada masa ini ramai dalam kalangan kita merancang untuk mengatur semula perbelanjaan bulanan agar dengan pendapatan atau keuntungan perniagaan yang ada kita boleh terus 'survive' sama ada dalam kehidupan atau perniagaan kita.

Maka dalam kita mengatur semula perbelanjaan tersebut, ada yang terus mengabaikan bayaran cukai yang sepatutnya dibuat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Akibatnya baki cukai kita akan tertunggak dan risiko untuk kita dikenakan tindakan mahkamah adalah tinggi. Sekiranya tindakan mahkamah diambil terhadap kita maka ia bukan sahaja akan menjejaskan imej kita malah ia mungkin akan menambah beban kita kerana terpaksa mengupah peguam bagi mempertahankan diri.

Jadi petua dalam artikel ini boleh dijadikan panduan agar kita dapat menguruskan perihal cukai kita dengan baik sekali gus mengelakkan diri kita mempunyai tunggakan cukai dan dikenakan tindakan mahkamah.

1. Peka & Ambil Peduli Peruntukan Undang-Undang

Jika kita benar-benar peka, ambil peduli dan tidak ambil remeh tentang cukai, hal tunggakan cukai sehingga kita dikenakan tindakan undang-undang tidak akan terjadi. Apa yang kita perlu lakukan ialah cakna dengan segala peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, bagi individu yang tidak mempunyai punca pendapatan perniagaan yakni yang makan gaji sahaja, mereka perlu melunaskan cukai tahunan mereka selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun.

Manakala bagi individu yang berniaga, mereka dikehendaki menjelaskan semua amaun cukai tahunan mereka selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun. Sementara itu, bagi syarikat pula mereka wajib membayar semua amaun cukai mereka dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas tarikh tutup tempoh perakaunan syarikat. Jadi, jika tempoh-tempoh ini tidak dipatuhi maka amaun cukai yang dikenakan terhadap kita berkemungkinan besar akan menjadi cukai tertunggak.

2. Rujuk Maklumat Di Laman Rasmi HASiL & Internet.

Pelbagai maklumat berkaitan dengan cukai pendapatan ada dimuatkan dalam portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my untuk rujukan; malah pada portal rasmi ini, HASiL turut menyediakan Gerbang Pendidikan Percukaian melalui platform *Eduzone*. Platform *Eduzone* bukan sahaja memuatkan pelbagai risalah dan artikel berkaitan percukaian, malah ia turut dilengkapi dengan pelbagai video pendek dan video-video wawancara pegawai HASiL dengan pihak media yang berbentuk penerangan dan boleh dimanfaatkan oleh kita sebagai pembayar cukai.





Selain daripada portal rasmi HASiL, maklumat percukaian juga boleh dirujuk di platform media sosial rasmi HASiL dan portal-portal firma percukaian bertauliah yang sememangnya pakar dalam bidang percukaian.

Sebolehnya elakkan untuk membuat rujukan dengan maklumat yang dikongsi di media sosial yang tidak diiktiraf. Hal ini kerana dikhuatiri maklumat yang dipaparkan dalam media sosial tersebut adalah kurang tepat dan terpesong.

3. Hubungi HASiL Untuk Dapatkan Maklum Balas & Khidmat Nasihat

Bagi memastikan kita mendapat maklum balas sahih dan nasihat yang tepat, kita boleh menghubungi pegawai perhubungan pelanggan HASiL di talian 03-89111000 atau 603-89111100 bagi panggilan dari luar negara. Jangan sesekali merujuk kepada pihak yang tidak pakar kerana ia hanyalah umpama kita bertanya mengenai rawatan dan perubatan kepada arkitek dan bukannya kepada seorang doktor. Dikhuatiri isu percukaian kita tidak akan selesai malah akan menjadi lebih celaru.

Seandainya talian khidmat pelanggan HASiL ini terlalu sibuk, kita masih lagi mempunyai pilihan untuk menghubungi pegawai-pegawai yang telah diberikan tanggungjawab melayani pertanyaan pembayar cukai yang



saluran komunikasi lain seperti *HASiL Live Chat*, Facebook, Twitter, Instagram dan Borang Maklum Balas Pelanggan turut disediakan oleh HASiL untuk kita manfaatkan.

4. Semak Kedudukan Cukai Melalui MyTAX

Lakukan semakan dengan HASiL sekerap mungkin bagi mengelakkan kita terbeban dengan cukai tertunggak. Kini HASiL telah menyediakan kaedah semakan yang mudah iaitu melalui aplikasi MyTax yang boleh dibuat secara dalam talian dan di hujung jari sahaja. MyTax bukan sahaja satu aplikasi yang membolehkan kita membuat semakan cukai, malah lebih daripada itu MyTax juga merupakan *one stop centre* bagi pembayar cukai untuk mengisytiharkan cukai mereka dan mendapatkan informasi cukai yang terkini.



Contoh Tangkap layar paparan aplikasi MyTax yang membolehkan kita membuat semakan kedudukan terkini cukai pendapatan.

5. Bincang Dengan HASiL Untuk Ansuran Cukai

HASiL sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan jika kita tidak mampu membayar amaun cukai secara sekali gus. Bagi HASiL kaedah bayaran secara ansuran masih boleh dipertimbangkan, namun ia hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu. Maknanya, kita tidak boleh mengambil keputusan sendiri dengan membuat bayaran amaun cukai kita sedikit demi sedikit tanpa persetujuan pihak HASiL.

Bagi tujuan ini biasanya kita dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti penyata aliran tunai bulanan, penyata bank beberapa bulan terkini, senarai komitmen bulanan kita dan bilangan ansuran yang ingin kita cadangkan. Bukan setakat ansuran sahaja boleh dibincangkan, malah kita juga boleh membuat rayuan atas kenaikan cukai yang dikenakan terhadap kita dan rayuan akan dinertimbangkan oleh HASiL berdasarkan kepada



Pendek kata, seperti mana yang sering diperkatakan oleh *netizen* pada masa ini, “Benda boleh bincang, buat apa nak kecoh-kecoh!”. HASiL bersedia untuk mendengar permasalahan kita dalam melunaskan tunggakan cukai dan seterusnya mencadangkan jalan penyelesaiannya.

Kesimpulannya, tunggakan cukai tidak akan berlaku seandainya kita sentiasa ambil peduli tentang hal ehwal percukaian kita. Jangan bimbang untuk berbincang dengan HASiL sekiranya kita tidak mampu untuk melunaskan semua cukai kita dengan segera, sebaliknya hubungilah HASiL dan ambil inisiatif untuk berbincang kaedah ansuran yang terbaik.

Ingatlah bahawa cukai yang kita bayar amat diperlukan kerana ia akan digunakan oleh Kerajaan untuk manfaat segenap lapisan rakyat. Melalui duit cukai ini pelbagai kemudahan dan program pembangunan serta kebajikan rakyat dapat dilaksanakan.

Rakyat Malaysia ini bertuah, kerana dengan adanya cukai, Kerajaan mampu menyediakan berbilion-bilion ringgit dana bantuan terutamanya apabila berlakunya pandemik COVID-19 dan bencana alam. Semuanya adalah bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terbela. Terima kasih pembayar cukai! Kerana sumbangan anda, rakyat Malaysia sejahtera.

Artikel ini disediakan oleh Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Tahu macam mana nak elak dari LHDN dikenakan penalti? Haa, kami bercadang untuk menerbitkan e-book tentang topik yang panas ni.

Kami juga seperti anda sebelum ini. Namun kini tidak lagi kerana kami sudah tahu petua ‘mengelak’ atau mengurangkan cukai secara sah di sisi undang-undang.

Jika berminat boleh isi borang [ini](#).

Siapakah yang WAJIB memiliki e-book ini?

1. Mereka yang memiliki gaji atau sekurang-kurangnya RM34,001 setahun (selepas potong KWSP)
2. Pemilik perniagaan Enterprise
3. Peniaga Online
4. Perunding Takaful, Unit Amanah dan Kesihatan (Coway & Cuckoo)
5. Ejen MLM
6. Trader saham tegar

Boleh pra-tempah di [\(PRA-TEMPAH\) 70 Rahsia Penjimatan Cukai](#)

